

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH**
[PAYA BESAR]

SOALAN NO. 288:

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:

- a) berapa jumlah kelahiran anak yang dikategorikan sebagai OKU mengikut negeri dan daerah daripada tahun 2010 hingga tahun 2019; dan
- b) berapa jumlah terkini taska OKU berdaftar di Malaysia dan apakah perancangan Kerajaan untuk membina lebih banyak taska yang diuruskan oleh Kementerian untuk golongan OKU.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Jumlah kanak-kanak yang dikategorikan sebagai OKU yang berdaftar dengan JKM sejak tahun 2010 hingga 2018 ialah seramai 133,583 orang.

- b) Jumlah terkini TASKA OKU yang berdaftar di Malaysia adalah sebanyak enam buah. Kementerian akan membuka peluang kepada pengusaha TASKA untuk mewujudkan TASKA Inklusif dengan menerima masuk kanak-kanak OKU di dalam TASKA sedia ada mereka. TASKA Inklusif akan memberi peluang kepada kanak-kanak OKU dan kanak-kanak bukan OKU untuk berinteraksi dan berkomunikasi dalam persekitaran yang sama. Pengusaha TASKA digalakkan untuk perwujudan persekitaran TASKA dengan kemudahan asas dengan reka bentuk sejagat. Hal ini akan membolehkan kanak-kanak OKU berkembang dan membesar dalam persekitaran tanpa halangan.